



MATI...
Abdullah
menunjukkan
burung
gagak yang
ditembak
mati.

Ancam kesihatan

Operasi tembak gagak berperingkat

>>Oleh Mohd Fadly Samsudin

fadly@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Lebih 200 burung gagak ditembak dalam operasi yang dijalankan 15 anggota Jabatan Perkhidmatan, Keselamatan dan Penguatkuasaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di sekitar kawasan Jalan Raja Laut dan Jalan Bunus di sini, baru-baru ini.

Ketua operasi, Pektar Abdullah Said, berkata operasi itu pertama kali dijalankan pada 2005 selepas menerima aduan orang awam mengenai burung gagak yang semakin banyak.

"Kami akan melakukan operasi ini mengikut peringkat berdasarkan aduan diterima."

"Seterusnya, kami akan menjalankan operasi menembak ga-

gak di sekitar Bangsar kemudian Pasar Seni, Masjid India, Kepong dan Sri Petaling," katanya.

Menurutnya, masalah utama burung gagak ini jumlahnya terlalu banyak memenuhi tempat pembuangan sampah, malah najisnya mengotorkan banyak kawasan tumpuan orang ramai.

"Najis burung gagak ini boleh mengancam kesihatan selain menjejaskan imej bandar raya Kuala Lumpur yang terkenal di seluruh dunia," katanya.

Kata Abdullah, jika najis burung gagak itu terkena pada kereta ia akan memberi kesan kepada warna cat kereta.

Malah, katanya, najis burung gagak itu turut mengotorkan kemudahan awam seperti tempat duduk, kawasan tempat letak kereta, bangunan serta jalan utama sekitar ibu kota.